



“ Misi kita ialah pasukan PDRM perlu komited untuk berkhidmat dan melindungi negara serta bekerjasama dengan masyarakat dalam mengekalkan undang-undang dan ketenteraman. Dengan visi dan misi yang baru itu, saya kira kita dapat menambah baik pasukan”

# Jenayah tanpa sempada

Penambahbaikan pasukan tingkat integriti :

B. Mingsu m/s 14 25/3/07



“ Semua anggota dan pegawai perlu mengubah cara berfikir untuk melaksanakan perubahan. Jika mereka sedia menerima semua perubahan, saya rasa itu sudah cukup untuk menjayakan misi dan visi baru ini. Kalau anggota berubah untuk mencapai objektif, saya rasa kemenangan di pihak saya”

# an cabaran baru PDRM

anggota, keselamatan negara lebih terjamin

**HARI ini genap 200 tahun usia Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sejak penubuhannya pada 1807, pasukan itu melalui pelbagai perubahan serta pengalaman suka dan duka. Wartawan BERITA HARIAN, Masrina Mohd Yunos, menemubual Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan mengenai misi dan visi PDRM dalam mempertingkatkan imej menjadi sebuah organisasi yang dibanggakan.**

## Soal Jawab

**? PDRM menyambut ulang tahun ke-200 hari ini. Boleh Tan Sri jelaskan serba ringkas sejarah penubuhan PDRM.**

**S**ejarah PDRM bermula di Pulau Pinang apabila King George III dari Britain menganugerahkan Piagam Keadilan kepada Leftenan Jeneral Farquhar pada 1807. Dengan Piagam Keadilan itu wujudlah satu kepolisan moden dalam negara kita kerana ia membolehkan pembahagian kuasa antara badan kehakiman dan pihak penguat kuasa undang-undang.

Selepas itu British mewujudkan pasukan polis Negeri-Negeri Selat meliputi Pulau Pinang, Melaka dan Singapura pada 1871. British kemudian membentuk pasukan polis Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 1896. Selepas itu, pada 1901 pasukan polis Negeri-Negeri Bukan Bersekutu iaitu Johor, Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis pula ditubuhkan.

Pada 1948, The Malayan Union Police pula ditubuhkan yang kemudian dikenali sebagai Polis Persekutuan Tanah Melayu. Pasukan itu kemudian dikurniakan gelaran 'Diraja' oleh Yang di-Pertuan Agong pertama, Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Muhammad pada 1963 dan hari ini dikenali sebagai PDRM iaitu selepas pembentukan Malaysia pada tahun berkenaan.

**? Bagaimana peranan pasukan**

**P**olis terus menjaga keamanan dan keselamatan negara sejak merdeka, tetapi dengan wujudnya pembangunan dan era globalisasi kini, kita berdepan pelbagai ancaman lain.

Apa yang saya maksudkan ialah pertama ancaman berkaitan jenayah. Kalau dulu jenayah dilakukan secara 'localize', sekarang jenayah dilakukan melangkaui sempadan selain kita melihat banyak jenayah baru menggunakan teknologi wujud di negara ini.

Oleh itu, saya menjangkakan, pasukan polis kita perlu ditambah baik lagi di mana anggota dan pegawai perlu didedahkan dengan teknik baru dalam kepolisan untuk kita menghadapi ancaman ini.

**? Apakah harapan Tan Sri terhadap PDRM yang kini sudah berusia 200 tahun.**

**K**alau kita melihat pada perayaan 200 tahun ini, pucuk kepimpinan PDRM terdiri daripada pengarah jabatan, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mohd Najib Abdul Aziz dan juga saya menjangkakan kita perlukan perubahan untuk menambah baik pasukan.

Ini juga selaras laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan PDRM yang ditubuhkan dulu untuk memberi cadangan bagi penambahbaikan pasukan.

Seperti sedia maklum, 125 cadangan diutarakan suruhanjaya itu di mana 90 peratus daripadanya berkaitan memperbaiki prosedur sudah dilaksanakan, tetapi ada juga masih dalam tindakan kerana ia memerlukan pindaan undang-undang dan

tahap optimum.

Keenam ialah meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan, ketenteraman awam dan keselamatan negara. Ketujuh ialah mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan perolehan dan analisis risikan keselamatan bagi membanteras kegiatan ancaman negara sementara objektif terakhir mempertingkatkan integriti anggota dan pegawai polis dalam memastikan perkhidmatan berkesan.

**? Apakah teras yang diterapkan bagi menjayakan misi dan visi baru itu.**

**T**eras kita ialah kesetiaan kepada raja, negara dan pucuk pimpinan pasukan. Ini bermakna, anggota dan pasukan kita perlu memiliki integriti yang tinggi dan penuh amanah serta bertanggungjawab menjalankan tugas, disiplin tinggi mengikut kehendak organisasi.

Selain itu, anggota dan pegawai juga diminta supaya tekun, tabah, jujur, amanah dan bertanggungjawab ke atas jawatan yang disandang serta tugas yang diamanahkan berdasarkan undang-undang dan peraturan.

Kita perlu sentiasa mesra, memberikan perkhidmatan cepat, betul dan terkini selain mengutamakan hak dan kepentingan masyarakat. Sentiasa berusaha meningkatkan diri menerusi ilmu dan kemahiran.

Pasukan juga perlu mengekalkan prestasi kerja yang cemerlang bagi mewujudkan sebuah organisasi unggul dan peka dengan perubahan masa.

**? Apakah strategi yang diambil bagi menjadikan PDRM seba-**



Saya  
ANTI  
Rasuah

MUSA

**? Bagaimana pasukan polis selepas negara merdeka.**

**P**DRM sudah banyak menabur jasa sejak zaman penjajahan British lagi. Kalau pada masa jajahan British dulu, kita juga diminta menjaga dan mengekalkan undang-undang serta ketenteraman awam untuk menjaga kepentingan British, tetapi selepas kita merdeka di mana tahun ini genap 50 tahun negara merdeka bermakna polis sudah 50 tahun menjaga keselamatan negara.

Pada 1948, polis juga mempunyai peranan mendapatkan kemerdekaan untuk menjaga keselamatan negara ini kerana pada masa itu ada ancaman komunis dan ramai anggota serta pegawai polis terkorban.

Ketika darurat pada 1948 hingga 1960, seramai 1,246 hingga 1,447 cedera, manakala kita berjaya menghapuskan 6,711 komunis dan menawan 1,289.

Walaupun darurat ditamatkan 1960, pada 1968 pergerakan komunis bawah tanah menganas lagi di Malaysia yang mengakibatkan Ketua Polis Negara ketika itu, Tan Sri Rahman Hashim dan Ketua Polis Perak, Tan Sri Khoo Chong Kong terbunuh. Pada masa itu, kita lihat penganas komunis bawah tanah ini menjalankan Skuad Pembunuhan terhadap pegawai dan anggota polis untuk menakutkan masyarakat dan menunjukkan mereka masih wujud di negara ini.

Bagaimanapun pada Disember 1968, penganas komunis ini meletakkan senjata api dan pada Oktober 1990, Parti Komunis Kalimantan Utara (PARAKU) pula menamatkan perjuangan bersenjata. Sejak tarikh itu tiada lagi ancaman komunis di negara ini.

**? Hari ini pasukan polis tentu mempunyai tanggungjawab lebih besar terutama dalam era globalisasi. Bagaimana Tan Sri melihat perkara ini.**

kewangan.

**? Penubuhan Suruhanjaya Diraja itu antara lain bertujuan membaiki imej dan membuat perakuan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan pasukan polis. Sejauh mana perakuan itu dilaksanakan?**

**S**ebenarnya, empat cadangan masih dalam tindakan. Semua cadangan itu adalah misi dan visi yang diubah semula kerana kita mahu menambah baik pasukan melalui misi dan misi yang baru diwujudkan itu.

Kita sudah mencadangkan empat pelan asal pasukan polis kepada kerajaan membabitkan misi dan visi baru untuk menjadikan PDRM satu organisasi penguat kuasa utama yang komited untuk bekerja dengan masyarakat.

Misi kita ialah pasukan PDRM perlu komited untuk berkhidmat dan melindungi negara serta bekerjasama dengan masyarakat dalam mengekalkan undang-undang dan ketenteraman. Dengan visi dan misi yang baru itu, saya kira kita dapat menambah baik pasukan.

**? Apakah langkah yang diambil bagi menjayakan misi itu.**

**U**ntuk menjayakan misi ini, kita perlu mengubah cara pemikiran semua anggota dan pegawai polis. Selain itu, kita juga perlu mencapai lapan objektif menambah baik pasukan iaitu yang pertama mengurangkan kadar jenayah ke tahap minimum.

Kedua meningkatkan kecekapan serta keberkesanan perkhidmatan pembangunan sumber manusia, manakala ketiga ialah meningkatkan kadar penyelesaian kes dan pemban-terasan jenayah terancang.

Objektif keempat ialah mengurangkan bekalan dan permintaan dadah. Kelima, meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan serta keperluan logistik sehingga ke

bagi pasukan terunggul dan mempunyai kecekapan maksimum dalam menjaga keamanan dan keselamatan negara.

**S**aya menggariskan lima strategi untuk tujuan berkenaan iaitu memantapkan integriti pasukan, memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, menangani masalah peningkatan jenayah dan persepsi masyarakat terhadapnya, membendung peningkatan penyalahgunaan dadah dan menangani ancaman keselamatan dalam negeri.

Untuk mencapainya, kita perlu melakukan empat perkara iaitu meningkatkan modul insan, menambah bilangan anggota untuk menghadapi ancaman dan mewujudkan satu skim perkhidmatan polis yang baik supaya masyarakat berminat menyertai PDRM.

Jadi ini semua ialah empat cadangan yang akan dibentangkan kepada kerajaan di mana separuh daripada cadangan itu sudah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk dikaji dan saya berharap ia dapat dilaksanakan.

**? PDRM turut menerima peruntukan besar dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9). Apakah harapan Tan Sri.**

**S**aya berterima kasih kepada kerajaan kerana memberikan peruntukan yang banyak kepada PDRM dalam RMK-9. Ini akan dapat membantu polis menambah baik organisasi dari segi logistik dan kebajikan anggota kerana menerusi peruntukan itu banyak balai polis, perumahan dan kenderaan polis ditambah untuk membolehkan polis melakukan lebih banyak rondaan. Kemudahan itu membolehkan anggota dan pegawai polis memberi maklum balas lebih baik kepada masyarakat.

**? Integriti PDRM juga bergantung kepada penerimaan ma-**

syarakat dan kejayaan polis dalam menjaga keamanan dan ketenteraman negara. Bagaimana Tan Sri melihat perkara ini.

**S**aya juga percaya kita perlu bekerjasama dengan masyarakat. Itu sebab saya membuat misi dan visi baru supaya masyarakat bekerjasama memberi maklumat sekali gus membantu polis mengurangkan kadar jenayah. Dengan kerjasama itu, ia akan mendidik masyarakat supaya lebih peka mengenai peranan mereka seterusnya dapat menjaga diri mereka daripada menjadi mangsa jenayah.

**? Bagaimana dengan sikap dan persediaan anggota polis dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat melalui misi dan visi baru ini.**

**S**emua anggota dan pegawai perlu mengubah cara berfikir untuk melaksanakan perubahan ini. Jika mereka sedia menerima semua perubahan dan sanggup mengubah diri, saya rasa itu sudah cukup untuk menjayakan misi dan visi baru ini. Kalau semua anggota dan pegawai saya mengubah diri mereka untuk mencapai objektif ini, saya rasa kemenangan sudah berada di pihak saya.

**? Bagaimana penerimaan anggota dan pegawai selepas Tan Sri mengumumkan misi dan visi baru ini.**

**S**aya rasa cabaran luaran boleh dikawal kerana kita perlu bekerjasama dengan komuniti supaya mereka tahu apa tindakan yang akan diambil PDRM, tetapi ia lebih kepada cabaran dalaman membabitkan semua organisasi PDRM.

Bagaimanapun, bukan maksud saya menyatakan anggota dan pegawai saya tidak mahu menerima perubahan misi dan visi itu tadi kerana sesetengah daripada mereka

**“ Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana memberikan peruntukan yang banyak kepada PDRM dalam RMK-9. Ini akan dapat membantu polis menambah baik organisasi dari segi logistik dan kebajikan anggota kerana menerusi peruntukan itu banyak balai polis, perumahan dan kenderaan polis ditambah”**

kurang mendapat maklumat berkaitan perubahan itu menyebabkan maklumat yang diterima kurang tepat.

Oleh itu, saya menggalakkan pegawai kanan turun padang dan jelaskan kepada anggota apa yang ingin kita perbaiki sebenarnya, apa yang ingin kita capai supaya mereka faham.

Mereka tidak boleh membantah kerana boleh dikenakan tindakan tata tertib. Kita perlu berubah kerana kita sudah melaksanakan prosedur baru di mana kita harus jujur dengan masyarakat dan hormat hak orang lain.

Saya juga sudah arahkan supaya masyarakat diberi maklumat jika ada prosedur membabitkan hak orang awam.

Sebagai contoh, masyarakat perlu diberitahu apa hak mereka jika polis memasuki kediaman. Mereka boleh bertanya tujuan polis itu masuk ke rumah dan apa sebenarnya yang ingin dicari? Kalau ada sikap telus begini, saya rasa kita tiada masalah untuk bekerjasama dengan masyarakat.

**? Bagaimana dengan persepsi masyarakat terhadap PDRM ketika ini.**

**K**ami berjaya mendapat kepercayaan masyarakat hasil daripada perubahan yang kita lakukan. Bagaimanapun, banyak perkara perlu dipertingkatkan lagi setiap masa. Contohnya, kita perlu kurangkan 'red tape' misalnya jika seseorang itu datang ke balai polis, kenapa? Tentulah dia menghadapi masalah dan anggota polis perlulah memberi layanan kepadanya dan membantu dia mengatasi masalahnya.

**? Mengenai hubungan dan kerjasama antarabangsa, boleh Tan Sri jelaskan peranan yang dimainkan PDRM.**

**P**DRM sentiasa mengadakan kerjasama rapat dengan agensi penguat kuasa negara luar di mana kami sering bertukar maklumat perisikan bagi melindungi kepentingan bersama.

Kita juga mengadakan kerjasama siasatan dalam kes tertentu. Jadi, saya percaya perlu ada hubungan kerjasama yang baik antara agensi penguat kuasa di negara luar kerana dalam era globalisasi ini kita perlu saling membantu.

Malah, PDRM juga mempunyai hubungan yang rapat dengan Polis Antarabangsa (Interpol), Polis negara Eropah (Europol) dan Polis negara anggota Asean (Aseanapol).